

DATE : 12 AUGUST 2017
PUBLICATION : UTUSAN MALAYSIA
SECTION : BISNES
HEADLINE : PEROLEHAN SERBA DINAMIK RM649.7 JUTA
CATEGORY : COMPANY
MEASUREMENT : 116CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL



Perolehan Serba Dinamik RM649.7 juta

KUALA LUMPUR 11 Ogos - Serba Dinamik Holdings Bhd. dan anak syarikatnya merekodkan perolehan sebanyak RM649.7 juta, naik sebanyak 6.09 peratus pada suku kedua berakhir 30 Jun 2017 berbanding RM612.4 juta suku sebelumnya.

Keuntungan sebelum cukai penyedia perkhidmatan kejuruteraan bersepadu global itu turut meningkat kepada RM88.31 juta daripada RM15.07 juta bagi tempoh sama tahun lepas.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Serba Dinamik, Datuk Dr. Mohd. Karim Abdullah (gambar) berkata, segmen operasi dan penyelenggaraan (G&M) menjadi penyumbang utama perolehan sebanyak 82.88 peratus diikuti kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pelaksanaan (EPCC) sebanyak 16.97 peratus.

Katanya, prestasi syarikat bagi enam bulan pertama adalah seiring dengan jangkaan kumpulan bagi tahun kewangan 2017 secara menyeluruh.

"Malaysia kekal sebagai penyumbang utama hasil kumpulan iaitu sebanyak 24.2 peratus, kebanyakannya daripada perkhidmatan G&M dan kontrak EPCC untuk loji janakuasa mini hidro di Kota Marudu, Sabah dan loji rawatan air di Kuala Terengganu.

"Kami juga bertapak kukuh di rantau Asia Barat yang menyumbang 61.14 peratus kepada jumlah perolehan kumpulan biarpun berdepan krisis Qatar-Teluk sebelum ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sehubungan itu syarikat mengumumkan dividen interim satu peringkat yang pertama dan diskecaalikan cukai sebanyak 1.50 sen se saham biasa yang akan dibayar pada 20 September 2017 manakala tarikh kelayakan untuk pembayaran dividen itu adalah pada 30 Ogos 2017.

Bagi prospek masa depan, kumpulan itu yakin dapat mengukuhkan pemegang dan keuntungannya sejajar dengan keyakinan berdecusan oleh pelanggan sedia ada dan baharu.

MALAYSIA kekal sebagai penyumbang utama hasil kumpulan iaitu sebanyak 24.2 peratus. - GAMBAR HIASAN

